

BAB IV

ANALISIS PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA MASYARAKAT MUSLIM

KECAMATAN BABAT

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan berkenaan cara masyarakat Muslim Kecamatan Babat dalam pembahagian harta pusaka. Pertama sekali, pengkaji akan menghuraikan pembahagian harta pusaka mengikut hukum pusaka Islam yang diselesaikan tanpa campur tangan mahkamah. Pembahagian yang melibatkan peradilan agama, termasuk juga contoh kes yang dibawa ke Peradilan agama turut akan dibincangkan.

Selain itu, dalam bab ini juga akan dibincangkan pembahagian masyarakat Muslim Kecamatan Babat mengikut pemikiran Hazairin dan mengikut hukum pusaka adat yang digunapakai oleh mereka, mengandungi berkenaan golongan yang boleh mewaris dan juga proses pewarisan. Akhir sekali dalam bab ini, akan diuraikan tentang analisis pembahagian harta pusaka masyarakat Muslim Kecamatan Babat, juga analisis antara hukum pusaka Islam dan pemikiran Hazairin, dan antara hukum pusaka Islam dan hukum pusaka Adat.

4.2 Pembahagian Secara Islam

Dari kajian lapangan yang telah pengkaji lakukan dengan menemubual sebahagian masyarakat yang telah melakukan pembahagian harta pusaka dalam keluarga mereka, maka pengkaji mendapati bahawa masyarakat Muslim Babat dalam hal pembahagian harta pusaka, ada yang membahagikannya mengikut hukum faraid dengan

cara meminta pertolongan kepada orang yang ahli dalam bidang ilmu faraid. Kesan daripada pembahagian harta pusaka secara Islam adalah dapat mengharmonikan kehidupan para ahli waris dalam suasana damai. Ada sebahagian daripada mereka yang membagikan harta pusaka secara Islam terlebih dahulu, kemudian setelah mengetahui bahagian masing-masing mengikut hukum Islam, maka para ahli waris berbincang untuk bertolak ansur kemudian harta pusaka tersebut dibahagikan secara sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan dengan reda dan ikhlas. Berikut ini merupakan beberapa contoh pembahagian pusaka masyarakat Babat yang mengikut hukum Islam.

1. Pada tahun 2007, Haji Syafi'i meninggal dunia dengan meninggalkan ibu, isteri (Lasmani), empat orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Harta yang ditinggalkan berjumlah Rp 231.000.000.¹ yang meliputi:

1. Dua rumah bernilai	Rp. 80.000.000
2. Dua sawah bernilai	Rp. 65 000.000
3. Tegalan bernilai	Rp. 40.000.000
4. Insentif dari pentadbiran Lamongan	Rp. 7.500.000
5. Hutang berjumlah	Rp. 3.500.000
6. Dua motosikal bernilai	Rp. 8.000.000
7. Hartanah bernilai	Rp. 10.000.000
8. Wang simpanan	Rp. 2000.000
9. Tabungan pencen	Rp.15.000.000
Jumlah keseluruhan	Rp. 231.000.000

¹ Rp 1000.000 = RM 353

Harta asal Haji Syafi'i berjumlah Rp. 115.000.000 yang meliputi tanah dan dua buah rumah bernilai Rp. 80.000.000. Hartanah bernilai Rp10.000.000 dan sawah bernilai Rp 25.000.000. Sebelum berkahwin dengan Lasmani, beliau telah berkahwin dengan isteri pertamanya bernama Maslahah yang kemudian meninggal dunia. Dengan isteri pertama ini, ada harta bersama sebanyak Rp. 80.000.000. Sepanjang perkahwinannya dengan isteri kedua juga, ada harta bersama berjumlah Rp. 36.000.000. Jadi, harta pusaka yang ditinggalkan adalah:

1. Harta asal Rp. 115.000.000
2. Setengah harta bersama dengan isteri pertama Rp. 40.000.000.
3. Setengah dari harta bersama dengan isteri kedua Rp. 18.000.000.

Jumlah keseluruhan adalah Rp. 173.000.000.

Maka pembahagian pusaka itu adalah sepertimana dalam jadual berikut:

Jadual 4.1 Pembahagian mengikut faraid dalam contoh kes 1

		24	216	Rp. 173.000.000
Ibu	1/6	4	36	Rp. 28.833.333
Isteri	1/8	3	27	Rp.21.625.000
Anak lelaki 1	Baki (<i>Asabah</i>)	17	34	Rp.27.231.481
Anak lelaki 2			34	Rp.27.231.481
Anak lelaki 3			34	Rp.27.231.481
Anak lelaki 4			34	Rp.27.231.481
Anak perempuan			17	Rp. 13.615.740
Jumlah				24

Setelah semua ahli waris mengetahui bahagian masing-masing disebabkan ada seorang anak perempuan dan dia mendapat bahagian yang sedikit, maka sebagaimana permintaan dan persetujuan semua ahli waris, maka bahagian anak-anak iaitu baki daripada harta pusaka dibahagikan sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan. Sehingga pembahagian itu menjadi seperti berikut:

Ibu mendapatkan Rp. 28.833.333. Isteri mendapatkan Rp. 21.625.000. dan baki Rp. 122.541.667 dibahagi sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan $Rp. 122.541.667 : 5 = Rp 24.508.333$. Jadi, setiap seorang anak mendapat Rp. 24.508.333.²

Dalam pembahagian ini pada awalnya, ia dibahagikan mengikut hukum Islam. Akan tetapi pada praktikalnya, untuk bahagian anak sebagaimana yang disepakati bersama, ia dibahagikan sama rata 1:1 antara anak lelaki dan anak perempuan. Hal ini dibolehkan dalam Islam.

2. Pada tahun 2007, A Wasil Maksum meninggal dunia meninggalkan seorang isteri, lima orang anak perempuan dan enam orang anak lelaki. Harta yang ditinggalkan berupa saham pada :

- a. Sebuah kedai kain.
- b. Sebuah kedai peralatan rumah tangga.
- c. Sebuah mini market.
- d. Sebuah farmasi.

Semua saham dijadikan satu terlebih dahulu, kemudian dibahagikan kepada ahli waris dalam bentuk saham juga. Adapun pembahagiannya seperti di bawah ini.³

² Lasmani, istri kedua daripada bapak Syafi'i, warga desa Pucakwangi, temubual pada Isnin, 23 Jun 2008.

Jadual 4.2 Saham Awam Group

NO	NAMA	Laki-2	SAHAM
		Perempuan	
1	A. WASIL MAKSUM	BAPAK	0%
2	DEWI MASITHOH	IBU	12.50%
3	NUR HAYATI ROSYIDA	P	6.03%
4	ZUHROTUN NISA' ISHOLIKHAH	P	6.03%
5	AHMAD ZAINAL FANANI	L	9.56%
6	AHMAD ARIF RAHMAN SAIDI	L	9.56%
7	AHMAD ZAKI MAGHFURI	L	9.56%
8	AHMAD MUFLIKH ASYROFI	L	9.56%
9	ABIDAH ULYA FITRIYAH	P	6.03%
10	AHMAD DZAQOLBI NADHIFI	L	9.56%
11	FITHROTUN LAILI HANIFA	P	6.03%
12	AHMAD FAHIM DIEN AHMADI	L	9.56%
13	HANANUN QURATUN AINI	P	6.03%
	JUMLAH		100.00%

Sepertimana yang telah diberitahu oleh Encik Arif Rahman Saidi, sebelum meninggal dunia, ayahnya iaitu encik A Wasil Maksum telah berpesan selepas beliau

³. Ahmad Arif Rahman Saidi, seorang daripada anak Almarhum, warga Babat, Khamis, 29 Disember 2011.

meninggal nanti, harta yang ada tersebut perlu dibahagikan di antara ahli waris mengikut hukum Islam. Dia juga meminta anak lelakinya untuk memberikan sedikit bahagiannya kepada anak perempuan. Pembahagian di atas telah pun disepakati di antara ahli waris. Jika pembahagian tersebut dibahagikan mengikut hukum pusaka Islam pula, adalah sebagaimana berikut:

Jadual 4.3 Pembahagian mengikut faraid dalam contoh kes 2

		8	136	Peratus (%)
Isteri	1/8		17	12.50
Anak lelaki 1	Baki (<i>asabah</i>)	7	14	10.29
Anak lelaki 2			14	10.29
Anak lelaki 3			14	10.29
Anak lelaki 4			14	10.29
Anak lelaki 5			14	10.29
Anak lelaki 6			14	10.29
Anak perempuan 1			7	5.15
Anak perempuan 2			7	5.15
Anak perempuan 3			7	5.15
Anak perempuan 4			7	5.15
Anak perempuan 5			7	5.15
Jumlah		8	136	100.00

3. Mohammad Awie meninggal dunia meninggalkan seorang isteri (Zubaidah) dan tiga orang anak perempuan. Harta yang diwariskan adalah:

Tanah I	Rp. 60.000 000.
Tanah II	Rp. 15.000 000.
Tanah dan rumah	Rp. 60.000 000.
Tanah sawah I	Rp. 35. 000.000.
Tanah sawah II	Rp. 20.000.000.
Tanah III	Rp. 45.000.000.
Tanah ladang	Rp. 25.000.000.
Jumlah	Rp. 260.000.000.

Pembahagiannya adalah sebagaimana berikut:

4.4 Jadual pembahagian mengikut faraid dalam contoh kes 3

		24	72	Rp. 260.000.000
Isteri	1/8	3	9	Rp. 32. 500.000
Anak perempuan 1	2/3	16	16	Rp. 57.778.000
Anak perempuan 2			16	Rp. 57.778.000
Anak perempuan 3			16	Rp. 57.778.000
Jumlah		19	57	Rp. 260.000.000
Baki		5	15	Rp. 54.166.000

Baki = $5/24 \times \text{Rp. } 260.000.000 = \text{Rp. } 54.166.000 : 5 = \text{Rp. } 10.833.200$. Ibu mengambil dua bahagian. Anak perempuan setiap seorang mengambil satu bahagian. Jadi bahagian masing-masing menjadi:

Isteri $\text{Rp. } 32.500.000 + \text{Rp. } 21.666.400 = \text{Rp. } 54.166.400$.

Rosida Hikmawati $\text{Rp. } 57.778.000 + \text{Rp. } 10.833.200 = \text{Rp. } 68.611.200$.

Anisa Ansoriyah $\text{Rp. } 57.778.000 + \text{Rp. } 10.833.200 = \text{Rp. } 68.611.200$.

Nuzuliah Risalati $\text{Rp. } 57.778.000 + \text{Rp. } 10.833.200 = \text{Rp. } 68.611.200$.

Zubaidah (isteri) mendapat tanah sawah I dan tanah sawah II.

Rosida Hikmawati tanah I dan $1/3$ tanah ladang.

Anisa Ansoriyah mendapat tanah II dan tanah III serta $1/3$ tanah ladang.

Nuzuliah Risalati mendapat tanah dan rumah serta $1/3$ tanah ladang.⁴

Kes dia atas ini ialah kes *radd*. Menurut pembahagian di atas, lebih harta pusaka dibahagikan kepada semua ahli waris, isteri mengambil dua bahagian dan anak-anak mengambil satu bahagian setiap seorang. Ini tidak bertepatan dengan pembahagian harta pusaka Islam. Dalam hukum pusaka Islam, isteri bukan termasuk yang berhak mengambil lebih harta. Seharusnya lebih harta itu dibahagikan kepada tiga orang anak perempuan, dibahagi sama rata $\text{Rp. } 54.166.000 : 3 = \text{Rp. } 18.055.333$. sehingga bahagian isteri $\text{Rp. } 32.500.000$. dan bahagian setiap anak perempuan menjadi $\text{Rp. } 57.778.000 + \text{Rp. } 18.055.333 = \text{Rp. } 75.833.333$

⁴ Zubaidah, seorang suri rumah, isteri Muhammad Awe, penduduk desa Kuripan, temubual dilakukan pada Rabu 25 Ogos 2010.

4. Ibu Hamidah meninggal dunia. Ia mempunyai dua anak lelaki dan dua anak perempuan (Abdul Ghoni, Muhammad Hafiz, Nur Fitria, dan Rodhiyah). Rodhiyah telah meninggal dunia, dan dia mempunyai seorang anak lelaki. Sebelum meninggal, ibu Hamidah telah berpesan agar anak daripada Rodhiyah diberi sedikit bahagian dari harta yang ditinggalkannya. Ketika masa pembahagian pusaka, ahli waris bersepakat dalam melaksanakan wasiat ibu mereka untuk memberikan bahagian Rodhiyah kepada anaknya. Harta yang ditinggalkan oleh ibu Hamidah:

Tanah I Rp. 23000.000.

Tanah II Rp. 40.000.000.

Wang Rp. 25.000.000.

Jumlah Rp. 88.000.000.

Jumlah seluruh harta $\text{Rp. } 88.000.000 : 6 = \text{Rp. } 14.667.000$.

Abdul Ghoni mendapat $\text{Rp. } 14.667.000 \times 2 = \text{Rp. } 29.334.000.000$.

Muhammad Hafiz mendapat $\text{Rp. } 14.667.000 \times 2 = \text{Rp. } 29.334.000$.

Nur Fitria mendapat $\text{Rp. } 14.667.000$.

Rodhiyah mendapat $\text{Rp. } 14.667.000$. dan diberikan kepada anaknya.⁵

Wasiat diperbolehkan dalam Islam dengan syarat tidak melebihi sepertiga dari harta peninggalan setelah digunakan untuk keperluan pengebumian dan membayar hutang-hutang orang yang meninggal, dan harta tersebut milik sepenuhnya orang yg membuat wasiat⁶

⁵Abdul Ghoni, seorang daripada anak ibu Hamidah, penduduk Desa Plaosan, temubual pada Ahad 8 Ogos 2010.

⁶ Wahbah Zuhayli (1985), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Damsyik: Dar al-Fikr, j. 8, h. 276.

4.4 Penyelesaian sengketa harta pusaka di peradilan agama

Penubuhan peradilan agama bertujuan untuk menjadi payung bagi menyelesaikan permasalahan umat Islam ketika berlaku perselisihan yang tidak dapat diselesaikan secara damai melalui persefahaman di antara orang yang terlibat dalam pertelingkahan. Maka, jalan terbaik adalah permasalahan tersebut hendaklah diselesaikan melalui keputusan hukum yang didapati di peradilan agama.

Peradilan agama merupakan lembaga peradilan yang berkedudukan di Kabupaten⁷ sebagai pengadilan tahap pertama. Susunan peradilan agama terdiri dari pemimpin (Ketua Peradilan Agama dan Naib Peradilan Agama), Hakim Anggota, Panitera, Sekretaris dan Juru Sita.⁸

3.4.1 Sistem perundangan yang digunakan dalam menyelesaikan harta pusaka

Dalam menyelesaikan hukum pusaka, Peradilan Agama Lamongan merujuk kepada hukum hakam yang bersumberkan daripada al-Qur'an dan al-Hadith, kompilasi hukum Islam (KHI) dan juga ijtihad.

3.4.2 Contoh kes yang dibawa ke Peradilan Agama Lamongan

Adanya kes-kes gugatan yang diajukan ke mahkamah, walaupun telah dilakukan pembahagian secara adat sebelumnya, terjadi atas beberapa sebab:

1. Rasa tidak puas hati.

⁷ Kabupaten adalah bahagian wilayah pentadbiran di Indonesia setelah provinsi. Kabupaten merupakan daerah autonomi yang diberi kebenaran mentadbir urusan pemerintahannya sendiri.

⁸ http://id.wikipedia.org/wiki/Pengadilan_agama

Ketidakpuasan ahli waris terhadap pembahagian yang dilakukan boleh jadi kerana sebahagian ahli waris merasa bahawa pembahagian itu kurang adil sehingga mereka tidak berpuas hati. Atau ada sebahagian keluarga yang merasa berhak mendapat harta warisan, akan tetapi dia tidak mendapat sedikit pun dari harta tersebut.

2. Adanya sebahagian ahli waris yang mungkir janji.

Harta sudah dibahagikan, dan semua ahli waris telah sepakat dengan bahagian masing-masing. Akan tetapi, ada salah seorang ahli waris yang masih menguasai harta tersebut walaupun ahli waris yang lain telah memintanya dengan cara yang baik.⁹

Masyarakat Muslim Babat adalah termasuk daerah yang harus merujuk kepada Peradilan Agama Lamongan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berhubung kait dengan hukum-hakam, seperti munakahat, perceraian, harta pusaka dan sebagainya.

Pada tahun 2007, Peradilan Agama Lamongan telah meneliti kes Marlan bin Sudayat melawan Maisaroh binti Kartomo. Sengketa timbul setelah meninggalnya Agus bin Sudayat. Dia meninggalkan ibu, Srihatun, isteri iaitu Maisaroh binti Kartomo (defendan I) dan tiga orang anak perempuan Sulastri (defendan II), Nuraini (defendan III), Khoiriyah (defendan IV) dan dua orang saudara kandung iaitu Marlan bin Sudayat (plaintif I) dan Umniyah binti Sudayat (plaintif II).

Peradilan Agama Lamongan dalam keputusannya telah menetapkan iaitu:

⁹ Imam Arifin, Wakil Panitera, PA Lamongan, temubual pada Selasa 10 Mei 2011.

Ibu memperoleh $\frac{1}{6}$ x harta pusaka.

Isteri memperoleh $\frac{1}{8}$ x harta pusaka.

Sulastri, Nuraini dan Khoiriyah mendapat $\frac{2}{3}$ x harta pusaka berbanding (1:1:1:1)

Sulastri memperoleh $\frac{1}{3} \times \frac{2}{3} = \frac{2}{9}$.

Nuraini memperoleh $\frac{1}{3} \times \frac{2}{3} = \frac{2}{9}$

Khoiriyah memperoleh $\frac{1}{3} \times \frac{2}{3} = \frac{2}{9}$

Marlan bin Sudayat dan Umniyah binti Sudayat memperoleh baki daripada harta berbanding 2:1.¹⁰

Keputusan tersebut sebagaimana terdapat dalam Kompilasi Hukum Islam pasal 178” iaitu ibu mendapat seperenam bahagian jika ada anak, atau dua saudara atau lebih. Jika tidak ada anak atau dua orang saudara atau lebih, maka ia mendapat sepertiga bahagian”. KHI pasal 180 “ Janda mendapat seperempat bahagian jika tidak ada anak, dan ada anak, maka janda mendapat seperdelapan bahagian”. Pasal 176 “Anak perempuan jika hanya seorang ia mendapat separuh bahagian, jika dua orang atau lebih mereka bersama-sama mendapat dua pertiga bahagian, dan jika anak perempuan bersama-sama anak lelaki, maka bahagian anak lelaki adalah dua berbanding satu dengan anak perempuan.”

Pada tahun 2008 pula, Peradilan Agama Lamongan telah meneliti kes Amiroh binti Mursan lawan Endah binti Harun. Punca kes ini bermula selepas meninggalnya Mursan bin Kartijan pada tahun 1998 dan isterinya Sa'diyah binti Nur Rahman pada tahun 2005. Mereka meninggalkan anak seramai 3 orang, masing-masing Ilah binti

¹⁰ Putusan Pengadilan Agama Lamongan No.0163/Pdt.G/2007PA.Lmg, 15 Oktober 2007.

Mursan anak perempuan (defendan V), Amirah binti Mursan anak perempuan (plaintif), dan Sahal bin Mursan yang telah meninggal dunia pada tahun 2001. Sahal bin Mursan meninggalkan isterinya Endah binti Harun (defenden I) dan tiga orang anak masing-masing Azhar anak lelaki (defenden II), Ramdan anak lelaki (defenden III), dan Marini anak perempuan (defenden IV). Almarhum Mursan dan Sa'diyah meninggalkan tanah warisan berupa tanah pekarangan, tanah sawah, dan tanah kebun.

Peradilan Agama Lamongan kemudian memutuskan bahagian masing-masing ahli waris sebagaimana berikut:

1. Ilah (anak perempuan) $\frac{1}{4}$ bahagian
2. Amirah (anak perempuan) $\frac{1}{4}$ bahagian
3. Sahan (anak lelaki) $\frac{2}{4}$ bahagian, masing-masing dari harta pusaka, dan khusus bahagian Sahan oleh kerana telah meninggal dunia maka digantikan oleh ahli warisnya, iaitu :
 - a. Endah (isteri) $\frac{1}{16}$ bahagian
 - b. Azhar (anak lelaki) $\frac{6}{16}$ bahagian
 - c. Ramdan (anak lelaki) $\frac{6}{16}$ bahagian
 - d. Marini (anak perempuan) $\frac{3}{16}$ bagian.¹¹

Apabila diperhatikan keputusan Peradilan agama di atas merujuk kepada KHI pasal 176 yang didasari daripada Al Quran surah An-Nisa ayat 11,¹² dan pasal 185 “Ahli

¹¹ Putusan Pengadilan Agama Lamongan No.0097/Pdt.G/2008, 9 April 2008.

¹² Ayat dimaksudkan adalah firman Allah:

waris yang meninggal dahulu daripada pewaris maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya, dan bahagian ahli waris pengganti tidak boleh melebihi dari bahagian ahli waris yang sederajat dengan yang diganti”.

Kes ini merupakan kes *munasakhah* iaitu kes kematian berlapis di mana sebelum sempat harta pusaka bagi kes kematian pertama dibahagikan, berlaku pula kematian daripada kalangan ahli warisnya. Dalam hukum waris Islam, tidak ada penggantian tempan atau dinamakan ahli waris pengganti. Jadi, jika kes di atas diselesaikan mengikut hukum pusaka Islam, adalah sebagaimana berikut:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ ۚ فَإِن كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۚ وَإِن كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الشُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ ۚ فَإِن لَّمْ يَكُن لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الشُّدُسُ ۚ مِن بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دِينٍ ۗ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفَعًا ۚ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Maksudnya; “Allah mensyari’atkan bagimu tentang (pembagian pusaka untuk) anak-anakmu. Iaitu : Bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan dan jika anak itu semuanya perempuan lebih dari dua, maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan; jika anak perempuan itu seorang saja, maka ia memperoleh separuh harta, dan untuk dua orang ibu-bapa, bagi masing-masingnya seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak; jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu-bapanya (sahaja), Maka ibunya mendapat sepertiga; jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara, maka ibunya mendapat seperenam. (Pembahagian-pembahagian tersebut di atas) sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Nisa: 11)

4.5 Jadual pembahagian secara faraid dalam contoh kes Amiroh binti Mursan

				1	
	4		8	40	80
Anak perempuan 1	1				20
Anak perempuan 2	1				20
Anak lelaki (mati kemudiam)	2				-
Waris kematian kedua	Isteri	1/8	1	5	5
	Anak lelaki 1	Baqi	7	14	14
	Anak lelaki 2			14	14
	Anak perempuan			7	7
Jumlah			8	40	80

Pada tahun 2009, Peradilan Agama Lamongan meneliti kes Sumenah melawan Nadhiroh. Perkara ini bermula dari tuntutan Sumenah, kerana dalam perkahwinannya dengan Allahyarham Insun alias Haji Mahsun telah memiliki harta kekayaan berupa tanah sawah, tanah kebun, rumah, motosikal, dan 8 ekor sapi. Mereka tidak dikurniakan anak. Allahyarham Haji Mahsun meninggalkan 4 saudara (defendan). Pada waktu berunding untuk pembahagian harta pusaka, hadir beberapa tokoh masyarakat, dan ternyata perundingan tersebut gagal. Para defendan tetap mempertahankan apa yang telah dikuasainya. Peradilan Agama Lamongan akhirnya memutuskan ahli waris masing-masing, dan bahagiannya adalah Sumenah (isteri) mendapat 3/13 bahagian, Nadhiroh (saudara perempuan), Inawati (saudara perempuan), dan Hj. Alminah (saudara

perempuan) secara bersama-sama mendapat 8/13 bahagian, dan Kemat (saudara seibu) mendapat 2/13 bahagian.¹³

Keputusan peradilan agama ini merujuk kepada KHI pasal 181 “Jika seseorang itu meninggal dunia tanpa meninggalkan ayah dan anak, maka saudara lelaki dan saudara perempuan seibu masing-masing mendapat seperenam bahagian, jika mereka dua orang atau lebih maka mereka bersama-sama mendapat sepertiga bahagian”. Pasal 182 “Jika seseorang meninggal dunia tanpa meninggalkan ayah dan anak, sedangkan ia mempunyai seorang saudara kandung atau seayah, maka ia mendapat separuh bahagian, jika saudara perempuan itu bersama-sama dengan saudara perempuan kandung atau seayah dua orang atau lebih, maka mereka bersama-sama mendapat dua pertiga bahagian, dan jika saudara perempuan itu bersama-sama saudara lelaki kandung atau seayah, maka bahagian saudara lelaki adalah dua berbanding satu dengan saudara perempuan”. Dan pasal 192 “Apabila dalam pembahagian harta pusaka diantara ahli waris *dzawil furud* menunjukkan bahawa angka pembilang lebih besar daripada angka penyebut, maka angka penyebut dinaikkan sama dengan angka pembilang dan selepas itu harta pusaka dibahagi secara *aul* mengikut angka pembilang”. Perkiraan itu adalah sebagaimana berikut:

¹³ Putusan Pengadilan Agama Lamongan No0198/Pdt.G/2009/PA.Lmg, 13 Julai 2009.

4.6 Jadual pembahagian secara faraid dalam contoh kes Sumenah vs Nadhiroh

		12	13	39
Isteri (Sumenah)	$\frac{1}{4}$	3	3	9
Saudara perempuan kandung 1 (Nadhiroh)	$\frac{2}{3}$	8	8	8
Saudara perempuan kandung 2 (Inawati)				8
Saudara perempuan kandung 3 (Hj. Alminah)				8
Saudara seibu (Kemat)	$\frac{1}{6}$	2	2	6
Jumlah		13 Awl	13	39

Pada tahun 2009, Peradilan Agama Lamongan juga meneliti kes berkaitan anak-anak H. M. Adnan bin H Metro. Puncanya ialah: H. M. Adnan bin H Metro menikah dengan Sukayah binti H. Soleh. Mereka dikurniai empat orang anak:

1. Siti Musyawarah (plaintif I)
2. Yusuf Adenan (plaintif II)
3. Lilik Mu'awanah (plaintif III)
4. Siti Masmonah (plaintif IV).

Pada tahun 1961, H. M. Adnan bin H. Merto dengan Sukayah binti H. Soleh ditakdirkan bercerai. Pada tahun 1962, H. M. Adnan bin H Metro berkahwin lagi dengan

Musri binti Mustari. Dalam perkahwinan yang kedua ini, H. M. Adnan bin H Metro mempunyai seorang anak yang bernama Masniyatin (plaintif V). Setelah berkahwin selama enam bulan, H. M. Adnan bin H Metro dengan Musri binti Mustari bercerai.

Pada tahun 1963, H. M. Adnan bin H. Metro berkahwin untuk kali yang ketiga dengan Siti Maemonah binti H. Toyib. Dalam pernikahan yang ketiga ini, mereka tidak dikurniakan anak. Siti Maemonah binti H. Toyib mempunyai saudara :

1. Madari bin H. Toyib (defendan I).
2. Makrifah binti H. Toyib (defendan II).
3. Suwarji binti H. Toyib (defendan III).
4. Mashur Bin H. Toyib (defendan IV).
5. Jazulia Ningsih binti Madari (defendanV).

Sepanjang perkahwinan yang ketiga ini, H. M. Adnan bin H Metro dan Siti Maemonah binti H. Toyib telah membeli tanah pekarangan yang merupakan harta bersama. Pada 20 April 2000, Siti Maemonah binti H. Toyib meninggal dunia. Pada 30 Mei 2000 pula, H. M. Adnan bin H. Metro juga turut meninggal dunia. Kemudian, pada 18 Oktober 2000, semua pihak plaintif dan defendan telah mengadakan kesepakatan untuk mengadakan pembahagian harta pusaka, dan berdasarkan kesepakatan sebagaimana tercatat pada surat pernyataan yang telah dibuat oleh para plaintif dan defendan, maka pembahagian harta pusaka tersebut adalah 50% bahagian untuk ahli waris H. M. Adnan bin H. Metro, dan 50% bahagian untuk ahli waris Siti Maemonah binti H. Toyib. Akan tetapi, sebelum pembahagian harta tersebut dilaksanakan, tanpa izin dan pengetahuan para plaintif, harta tersebut telah pun dijual. Justeru, pembahagian harta pusaka tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Setelah dilakukan beberapa pemeriksaan dan penyelidikan melibatkan bukti dan juga saksi, maka Peradilan Agama Lamongan memutuskan bahawa kes ini tidak diterima kerana batas-batas objek dan bahan pertikaian tidak jelas.¹⁴

Pada tahun 2010, Peradilan Agama Lamongan telah meneliti kes antara Mustiah binti Sipen dan Sanah binti Samijadi. Sebab yang berlaku ialah: Samijadi bin Kadir telah berkahwin dengan Mustiah binti Sipen (plaintif I) dan dikurniakan lima orang anak, masing-masing bernama:

1. Matokan bin Samijadi (plaintif II)
2. Musnan bin Samijadi (plaintif III).
3. Rumisah binti Samijadi (plaintif IV).
4. Sanah binti Samijadi (defendan I).
5. Rumani bin Samijadi (defendan II)

Sepanjang pernikahan antara Samijadi dan Mustiah binti Sipen, mereka telah membeli tanah seluas kira-kira 4900 m². Dari tanah tersebut yang seluas 3500 m² telah dibahagikan kepada lima orang anaknya sejak Samijadi bin Kadir masih hidup. Masing-masing mendapat bahagian seluas 700 m². Baki daripada tanah tersebut pula belum dibahagikan dan masih dimiliki oleh Sanah binti Samijadi. Para plaintif telah bermesyuarat dengan defendan agar membahagi harta pusaka tersebut namun para defendan enggan membahaginya. Peradilan Agama Lamongan menetapkan dalam keputusannya agar melelong tanah tersebut dan hasil jualannya dibahagikan kepada plaintif dan defendan dengan bahagian masing-masing:

¹⁴ Putusan Pengadilan Agama Lamongan No0216/Pdt.G/2009/PA.Lmg, 8 Jun 2009.

1. Mustiah binti Sipeh $1/8$ bahagian atau $8/64$ bahagian
2. Matokan bin Samijadi $2/8 \times 7/8 = 14/64$ bahagian
3. Musnan bin Samijadi $2/8 \times 7/8 = 17/64$ bahagian
4. Rumisah binti Samijadi $1/8 \times 7/8 = 7/64$ bahagian
5. Sanah binti Samijadi $1/8 \times 7/8 = 7/64$ bahagian
6. Rumani bin Samijadi $2/8 \times 7/8 = 14/64$ bahagian¹⁵

Keputusan peradilan agama ini sebagaimana tersebut dalam KHI pasal 180 tentang bahagian janda, dan pasal 176 tentang bahagian anak.

Dari huraian contoh kes Mahkamah di atas, maka dapatlah diketahui bahawa bentuk keputusan terhadap kes yang diajukan ke mahkamah ada tiga jenis iaitu:

1. Tidak diterima. Sebab-sebabnya:
 - a. Batas-batas hal yang disengketakan tidak jelas atau tidak benar.
 - b. Kurang pihak tergugat.
 - c. Alamat pihak tergugat tidak jelas.
2. Ditolak . Sebab-sebabnya:
 - a. Objek pertikaian tidak benar.
 - b. Tergugat tidak benar
 - c. Bukti-bukti tidak sempurna. Seperti surat-surat yang tidak lengkap, kurangnya saksi, kerana harus ada dua orang saksi minimum.
3. Diterima dan diselesaikan.¹⁶

¹⁵ Putusan Pengadilan Agama Lamongan No 0632/Pdt.G/2010 /PA.Lmg, 12 Ogos 2010.

¹⁶ Encik Imam Arifin, sebagai wakil panitera, PA Lamongan, temubual pada Selasa 10 Mei 2011.

Penyelesaian kes berkenaan harta pusaka di peradilan agama tidak banyak berbanding dengan kes-kes lain. Sejak tahun 2007 sehingga tahun 2010, hanya terdapat 12 kes diselesaikan dan dua kes ditolak. Seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.7 Kes harta pusaka yang diselesaikan pada tahun 2007-2010

No.	Tahun	Jumlah Kes	Keterangan
1	2007	2	Diselesaikan
2	2008	2	Diselesaikan
3	2009	5	Diselesaikan
4	2010	3	Diselesaikan
	Jumlah	12 kes	

Sumber Peradilan Agama Lamongan Disember 2010

Jadual 4.8 Kes yang tidak diselesaikan pada tahun 2007-2010

No	Tahun	Jumlah kes	Sebab
1	2007	1	Bukti tidak sempurna
2	2008		
3	2009	1	Objek pertikaian tidak jelas
4	2010		
	Jumlah	2 Kes	

Sumber Peradilan Agama Lamongan Disember 2010

Bagi mengetahui dengan lebih terperinci perbandingan kes berkenaan harta pusaka dengan kes-kes lain yang diselesaikan di Peradilan Agama Lamongan, sila rujuk bahagian lampiran disertasi ini.

Beberapa contoh kes hasil kajian pengkaji terhadap keputusan mahkamah di atas adalah merupakan cerminan daripada sebahagian kecil cara masyarakat Muslim Babat dalam pembahagian harta pusaka. Kebanyakan masyarakat Babat menyelesaikan permasalahan harta pusaka dengan cara kekeluargaan tanpa dibawa ke peradilan agama.

4.4 Pembahagian Mengikut Pemikiran Hazairin

Selain membahagikan harta pusaka mengikut Adat dan hukum Islam, ada juga sebahagian masyarakat Babat yang membahagikan harta pusaka mereka mengikut Hukum Islam gaya pemikiran Hazairin dalam hal ahli waris pengganti. Mereka yang membahagikan harta mengikut cara ini biasanya adalah yang mempunyai masalah. Contohnya seperti ada seorang yang mati dan meninggalkan cucu dari anak yang telah meninggal terlebih dahulu.¹⁷

Di antara contoh masyarakat yang menggunakan pembahagian warisan mengikut pemikiran Hazairin:

1. Jatmiko meninggal dunia, meninggalkan seorang isteri, dua anak lelaki (Muhammad Amin dan Muhammad Bahruddin) serta seorang anak perempuan bernama Siti Maimunah. Muhammad Bahruddin telah meninggal dunia terlebih dahulu dan mempunyai dua orang anak perempuan. Harta yang ditinggalkan oleh Pak Jatmiko berjumlah Rp. 35.000.000. Dalam pembahagian ini, semua ahli waris bersepakat untuk

¹⁷ Edi Yusuf, Peguam dan Konsultan Hukum, temubual pada Rabu 25 Mei 2011.

memberi bahagian kepada anak-anak Muhammad Bahruddin sebanyak jumlah yang sepatutnya diterima oleh Muhammad Bahruddin jika dia masih hidup.

- a. Isteri $1/8 \times \text{Rp } 35.000.000 = \text{Rp } 4.375000$.
- b. Anak-anak mendapat baki daripada harta $7/8 \times \text{Rp. } 35\,000\,000 = \text{Rp. } 30.625.000$
 $: 5 = \text{Rp. } 6.125.000$. Anak lelaki mengambil dua bahagian dan anak perempuan mengambil satu bahagian, jadi;
- c. Muhammad Amin mendapat Rp. 12.250.000.
- d. Muhammad Bahruddin mendapat Rp. 12.250.000 dan bahagian ini diberikan kepada anak-anaknya.
- e. Siti Maimunah mendapat Rp. 6.125.000.¹⁸

Ini adalah sebagaimana pendapat Hazairin dalam masalah ahli waris pengganti yang muncul kerana Hazairin merasakan adanya ketidakadilan dalam pembahagian pusaka yang ada selama ini, yakni bahawa cucu perempuan yang ayahnya meninggal terlebih dahulu tidak mendapat harta pusaka dari harta pusaka yang ditinggalkan datuknya kerana ada saudara lelaki ayahnya (pakcik). Juga menghilangkan sama sekali hak cucu dari kelahiran anak perempuan kerana adanya orang yang disebut *asabah*. Menanggapi hal ini, Hazairin memberi penafsiran baru terhadap Surah al-Nisa (4) ayat 33. Hazairin mengertikan *Mawālī* dalam ayat itu dengan “pengganti ahli waris”.

وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوَالِيَ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ^ع وَالَّذِينَ عَقَدَتْ أَيْمَانُكُمْ

فَأَتَوْهُمْ نَصِيبَهُمْ^ع إِنْ أَلَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا

Ertinya: “Bagi tiap-tiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapak dan karib kerabat, Kami jadikan pewaris pewarisnya...”

¹⁸ Muhammad Amin, satu daripada anak encik Jatmiko, penduduk desa Plaosan, temubual pada Selasa 6 Ogos 2010.

Jika kes ini diselesaikan mengikut hukum pusaka Islam:

Isteri $\frac{1}{8} \times \text{Rp } 35.000.000 = \text{Rp } 4.375\ 000$

Anak lelaki dan anak perempuan baki daripada harta $\frac{7}{8} \times \text{Rp. } 35\ 000\ 000 = \text{Rp. } 30.625.000 : 3 = \text{Rp. } 10\ 208\ 333$. Jadi

Muhammad Amin mendapat Rp. 20 416 666.

Siti Maimunah mendapat Rp. 10 208 333. Sedangkan Muhammad Bahruddin yang sudah meninggal terlebih dahulu sebelum ayahnya, maka dia tidak mendapat bahagian dari harta pusaka. Dan tidak boleh digantikan oleh ahli warisnya, kerana di dalam hukum pusaka Islam, istilah ahli waris pengganti tidak ada.

2. Muhammad Rusdi meninggal dunia meninggalkan seorang isteri (Nurlaila), lima orang anak (Salman, Zainuddin, Titik Mustikawati, Nur Hasanah dan Juliyana). Nur Hasanah meninggal dunia sebelum ayahnya, dan meninggalkan seorang anak lelaki. Harta yang diwariskan berupa empat hektar tambak ikan. Pembahagian harta pusaka tersebut:

Isteri (Nurlaila) $\frac{1}{8}$ bahagian = $\frac{1}{2}$ hektar.

Salman 1 hektar daripada tambak.

Zainuddin 1 hektar daripada tambak.

Titik Mustikawati $\frac{1}{2}$ hektar daripada tambak.

Nurhasanah $\frac{1}{2}$ hektar daripada tambak. Bahagian Nurhasanah diberikan kepada anak lelakinya sebagai ahli waris pengganti.

Juliana $\frac{1}{2}$ hektar daripada tambak.¹⁹

¹⁹ Nurlaila, Isteri daripada Muhammad Rusdi, temubual dijalankan pada Selasa 13 Ogos 2010.

Pembahagian ini juga mengikut penafsiran Hazairin terhadap Surah al-Nisa (4) ayat 33. Hazairin mengertikan *Mawāli* dalam ayat itu dengan “pengganti ahli waris”.

Jika pembahagian ini dibahagikan mengikut faraid, adalah sebagaimana berikut:

Isteri memperoleh 0.50 hektar tambak.

Salman 1.16 hektar daripada tambak.

Zainuddin 1.16 hektar daripada tambak.

Titik Mustikawati 0.59 hektar daripada tambak.

Juliana 0.59 hektar daripada tambak. Nur Hasanah tidak mendapatkan harta pusaka kerana dia sudah meninggal terlebih dahulu.

3. H. Basar bin Mahsun meninggal dunia. Ahli waris yang ditinggalkannya adalah ibu, seorang isteri, tiga anak perempuan, seorang saudara lelaki dan seorang saudara perempuan. Para ahli waris telah membahagikan harta pusaka mengikut cara Hazairin sebagaimana berikut:

Ibu memperoleh $\frac{1}{6} \times \text{HP}$ (Harta Pusaka).

Isteri memperoleh $\frac{1}{8} \times \text{HP}$.

3 anak perempuan $\frac{2}{3}$, mereka berbahagi sama banyak 1:1:1.

Masing-masing anak mendapat $\frac{1}{3} \times \frac{2}{3} = \frac{2}{9}$.

Jadi $1 - \frac{1}{6} - \frac{1}{8} - \frac{2}{9} - \frac{2}{9} - \frac{2}{9} = 1 - \frac{12}{72} + \frac{29}{72} + \frac{16}{27} + \frac{16}{72} + \frac{16}{72} = 1 - \frac{69}{72} = \frac{3}{72}$. Kemudian baki dibahagikan kepada ibu, isteri dan anak-anak perempuan. Sedangkan saudara kandung lelaki dan perempuan tidak mendapat harta

pusaka kerana bukan termasuk *kalalah*, dan tidak dapat mewarisi harta kerana masih ada anak.²⁰

Jika pembahagian ini diselesaikan mengikut faraid adalah sebagaimana berikut:

Ibu memperoleh $1/6 \times HP$.

Isteri memperoleh $1/8 \times HP$.

3 anak perempuan berkongsi $2/3$, setiap seorang mendapat $1/3 \times 2/3 = 2/9$.

Jadi $1 - 1/6 - 1/8 - 2/9 - 2/9 - 2/9 = 1 - 12/72 + 29/72 + 16/72 + 16/72 + 16/72 = 1 - 69/72 = 3/72$.

Seorang saudara kandung lelaki dan perempuan mendapat baki dari harta pusaka dengan berbanding 2:1.

Saudara lelaki mendapat $2/3 \times 3/72 = 6/216$.

Saudara perempuan memperoleh $1/3 \times 3/72 = 3/216$.

Jadi $1/6 + 1/8 + 2/9 + 2/9 + 2/9 + 6/216 + 3/216 =$

$$\frac{36 + 27 + 48 + 48 + 48 + 6 + 3}{216} = 216/216 = 1$$

4. Saidi bin Ali meninggal dunia meninggalkan ayah, ibu, tiga orang saudara lelaki kandung dan tiga orang saudara kandung perempuan. Harta yang ditinggalkan telah dibahagikan di antara ahli waris mengikut pandangan Hazairin sebagaimana berikut:

Ayah memperoleh baki daripada harta pusaka.

Ibu memperoleh $1/6 \times HP$ (Surah An-Nisa':11)

²⁰ Temubual dengan encik Edi Yusuf, pada Rabu 25 Mei 2011

Tiga orang saudara lelaki dan tiga orang saudara perempuan kandung memperoleh $\frac{1}{3}$ berbanding 1:1:1:1:1:1. Setiap seorang memperoleh $\frac{1}{6} \times \frac{1}{3} = \frac{1}{18}$. (Surah al-Nisa':11)

Bahagian ayah $1 - \frac{1}{6} - \frac{1}{18} - \frac{1}{18} - \frac{1}{18} - \frac{1}{18} - \frac{1}{18} - \frac{1}{18} = 1 - \frac{3}{18} + \frac{1}{18} + \frac{1}{18} + \frac{1}{18} + \frac{1}{18} + \frac{1}{18} = \frac{9}{18}$. Jadi bahagian ayah $\frac{9}{18}$.²¹

Jika pembahagian tersebut diselesaikan mengikut faraid (kerana ayah masih ada bererti belum boleh dinamakan *kalalah*), maka saudara kandung sama ada lelaki mahupun perempuan tidak dapat mewaris (terdinding) oleh ayah. Maka pembahagiannya sebagaimana berikut:

Ibu memperoleh $\frac{1}{3} \times HP$. Dan bakinya untuk ayah $\frac{2}{3}$ sebagai *ashabah binafsihi*.

4.5 Pembahagian Harta Pusaka Mengikut Adat

Walaupun agama Islam menjadi agama yang paling banyak dianut dan diikuti oleh masyarakat Babat, akan tetapi tidak semua masyarakat Muslim Babat menjadikan hukum Islam sebagai panduan dalam membahagikan harta pusaka, bahkan sebaliknya mereka lebih memilih pembahagian harta mengikut adat yang berlaku. Beberapa panduan yang digunakan dalam pembahagian harta pusaka secara adat iaitu siapa sahaja yang boleh menjadi ahli waris dan proses pewarisan.

4.5.1 Yang Dapat Menjadi Ahli Waris

Mengikut adat setempat, orang-orang yang boleh menjadi ahli waris adalah:

1. Keturunan.

²¹ Temubual dengan encik Edi Yusuf, pada Rabu 28 Mei 2011

2. Orang tua.
3. Saudara-saudara atau keturunannya.
4. Orang tua daripada orang tuanya atau keturunannya.

Dalam senarai di atas, belum termasuk balu dan anak angkat yang juga termasuk menjadi ahli waris. Kerana menurut kefahaman am, balu dan anak angkat tidak termasuk ahli waris, akan tetapi mendapat bahagian dari harta pusaka, bahkan pada kenyataannya balulah yang menjadi pembahagi harta tersebut.²² Kedudukan anak lelaki dan anak perempuan sebagai ahli waris adalah sama. Maksudnya, semua anak lelaki dan anak perempuan sama haknya atas harta pusaka, bukan bererti bahawa harta pusaka harus dibahagikan di antara mereka secara sama rata. Bagaimana corak pembahagian tersebut boleh bergantung kepada ekonomi anak dan bahagiannya. Jadi, ada kemungkinan anak yang lemah sumber ekonominya akan mendapat bahagian yang lebih banyak daripada anak yang kuat ekonominya.²³

Jika pewaris tidak mempunyai anak sama sekali dan tidak mempunyai anak angkat dari anak saudara atau dari anak orang lain, maka harta akan diwarisi berturut-turut oleh orang tua (ayah atau ibu) kepada pewaris, dan apabila tidak ada kedua orang tuanya, maka harta pusaka dibahagikan kepada saudara-saudara kandung pewaris atau keturunannya, dan jika ini tidak ada juga, barulah harta dibahagikan kepada datuk atau nenek pewaris. Dan apabila datuk dan nenek pewaris juga tidak ada, maka diberikan kepada bapa saudara atau ibu saudara sama ada dari sebelah ayah mahupun dari sebelah

²² Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 94.

²³ *Ibid.*, h. 71.

ibu pewaris. Jika sampai tahap ini juga tidak ada, maka akan diwarisi oleh anggota keluarga lainnya.²⁴

Kedudukan balu pada dasarnya menurut hukum adat, bukanlah termasuk ahli waris dari suami atau isteri yang meninggal, akan tetapi mereka berhak mendapatkan bagian dari harta peninggalan suami atau isteri bersama-sama ahli waris yang lain. Kedudukan balu dalam hukum waris adat adalah dilihat dari sudut bahwa ia adalah orang luar dari keluarga suaminya. Tetapi pada kenyataannya, bahwa ia adalah isteri dan ibu dalam rumah tangga suaminya bahkan mempunyai peranan besar dalam membinanya, oleh itu dia turut memiliki harta benda yang diperoleh sepanjang perkahwinan. Maka dalam masalah pewarisan, dapatlah disimpulkan bahwa:

- a. Balu berhak mendapat jaminan nafkah seumur hidup sama ada dari harta bersama, mahupun dari hasil suaminya.
- b. Balu berhak menguasai harta peninggalan suami jika ada anak.
- c. Balu berhak menahan barang asal suaminya selama barang tersebut betul-betul diperlukan.
- d. Balu berhak mendapat bagian atau menuntut sebanyak bagian anak ketika diadakan pembahagian dengan anak.

Mengikut pertumbuhan hidup keluarga, dan bertambah eratnya hubungan keluarga antara satu dengan yang lainnya, dan melihat peranan ibu di dalam rumah tangga, maka Mahkamah Agung menetapkan bahwa: Janda adalah ahli waris dari

²⁴ *Ibid.*, h. 72.

suaminya. Demikian keputusan dari Mahkamah Agung RI Nombor: 110K/sip/1960.²⁵ Dan dengan keputusan Mahkamah Agung pada 15 November 1957 No 130 K/ Sip/1957 memutuskan bahawa anak-anak dan balu adalah sama-sama menjadi ahli waris.²⁶ Keputusan-keputusan mahkamah tersebut telah membuat perubahan besar di dalam hak dan kedudukan balu. Dalam hukum adat Jawa, seorang janda yang telah lama hidup bersama dengan suami dan telah memperoleh keturunan, maka janda berhak mendapat bahagian atas harta kekayaan yang ditinggalkan suami. Adapun besar bahagian yang diterima adalah jika janda tersebut mempunyai anak yang belum dewasa maka harta peninggalan suami boleh dikuasai sepenuhnya oleh janda dengan syarat ianya digunakan untuk keperluan sehari-hari bagi membiayai dirinya dan juga anak-anaknya. Tetapi, setelah anak tersebut kelak menjadi dewasa atau telah berkeluarga, maka harta peninggalan suami harus dibahagi sama rata di antara janda dan anaknya, ertinya antara anak dan janda mendapat bahagian yang sama besar.²⁷

Selanjutnya jika isteri meninggal terlebih dahulu, maka suami sebagai duda dengan anak-anaknya tidak ada masalah dalam pembahagian pusaka. Pada kebiasaan yang berlaku, harta itu akan ditahan oleh duda dan dibahagikan pada masa yang sesuai. Akan tetapi, jika duda tersebut menikah untuk kali kedua, maka anak-anak akan mencatat mana saja barang-barang bawaan ibunya dan mana harta bersama bapa ibunya, agar jika ada saudara tiri maka mereka tidak dirugikan.²⁸ Ini sebagaimana yang terjadi pada almarhum bapak Syafi'i pada contoh pembahagian pusaka secara Islam. Ketika

²⁵ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.*, h. 49.

²⁶ Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 89.

²⁷ http://digilib.uns.ac.id/pengguna.php?mn=detail&d_id=8374

²⁸ Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 91.

isteri pertamanya meninggal beberapa tahun sebelum meninggalnya almarhum Syafi'i, tidak ada pembahagian harta pusaka. Maka ketika menikah lagi dengan isteri kedua, harta bersama antara bapak Syafi'i dengan isteri pertamanya dicatat, yang kemudian ketika dia meninggal harta tersebut separuh menjadi harta pusaka dan setengah yang lain menjadi hak almarhum isteri pertama yang kemudian dibahagikan kepada anak-anak dari isteri pertama sehingga bahagian anak dari isteri pertama menjadi berikut:

Pada hasil pembahagian pusaka almarhum Syafi'i setiap anak mendapat bahagian Rp. 24.508.333. sedangkan anak dari isteri pertama ada tiga orang, jadi Rp. $24.508.333 \times 3 = \text{Rp. } 73.524.999 + \text{Rp. } 40.000.000$ (setengah dari harta bersama ibu bapa mereka) = Rp. $113.524.999 : 3 = \text{Rp. } 37.841.666$.²⁹

Masalah anak angkat, menurut adat yang ada mereka boleh mewarisi dari orang tua angkatnya. Ada pepatah tentang anak angkat yang mengatakan bahawa “Anak angkat itu minum dari dua sumber” yang bermaksud anak angkat selain dia berhak menerima harta pusaka dari orang tua kandungnya, mereka juga berhak terhadap harta pusaka orang tua angkatnya. Sebabnya adalah kerana walaupun sudah diambil menjadi anak angkat, tetapi mereka tetap tidak memutuskan talian keluargaan yang asal. Anak angkat tersebut diangkat sebagai anak dengan pelbagai alasan, di antaranya kerana kasihan dan untuk menolong kerana keadaannya yang kurang bernasib baik, dan ada pula untuk pemancing agar orang tua angkat itu memiliki anak sendiri. Jadi anak angkat itu ada yang berasal dari lingkungan keluarga sendiri.³⁰ Bunden mengambil anak

²⁹ Lasmani , cikgu sekolah rendah, isteri Syafi'i, temubual pada Isnin 23 Jun 2008.

³⁰ Bushar Muhammad (1995), *op.cit.*,h. 52.

saudaranya menjadi anak angkat kerana dalam perkahwinannya, ia tidak mempunyai anak. Lalu, dia memberikan hartanya kepada anak angkatnya berupa tanah.³¹

4.4.2 Proses Pewarisan

Proses pewarisan masyarakat Babat sebagaimana proses pewarisan mengikut adat Jawa Timur berlaku ketika pewaris masih hidup dan selepas meninggal dunia. Proses tersebut secara terperinci seperti berikut:

1. Sebelum Pewaris Meninggal Dunia

Proses pewarisan sebelum pewaris meninggal, ada pelbagai jenis yang masing-masing berbeza namun pada hakikatnya adalah tetap sama. Secara terperinci akan dijelaskan sepertimana berikut:

a. Pemindahan hak milik

Ketika pewaris masih hidup, adakalanya telah melakukan pemindahan kedudukan hak dan kewajipan serta harta kekayaan kepada ahli waris. Selepas sahaja akad pemindahan hak milik dilafazkan, maka status harta pewaris bertukar kepemilikan dan penguasaannya kepada ahli waris. Termasuk dalam erti pemindahan hak milik harta kekayaan pada saat pewaris masih hidup, apabila pewaris memberikan harta kekayaan tertentu kepada anak-anaknya untuk menyambung pelajarannya atau untuk persiapan perbelanjaan majlis kahwin pada masa hadapan. Budaya seperti ini dalam istilah Jawa disebut *mencar* atau *mentas*. Biasanya anak lelaki atau perempuan yang akan berkahwin dibekalkan tanah pertanian, pekarangan dengan rumahnya atau haiwan ternakan. Benda-benda tersebut merupakan bahagiannya dalam harta keluarga yang akan diperhitungkan pada pembahagian harta pusaka sesudah orang tuanya meninggal dunia.

³¹ Siti, surirumah, anak angkat Bunden, temu bual pada Rabu 25 Jun 2008.

Selain untuk anak kandung, penukaran hak milik ini juga boleh diberikan kepada anak angkat kerana telah dianggap banyak mengabdikan dan memberikan jasa-jasa baiknya untuk kehidupan rumah tangga pewaris. Pewarisan secara penerusan ini dilakukan kerana adanya kerisauan dari pihak pewaris kalau-kalau anak angkat tersebut nanti tersingkir oleh anak kandungnya sendiri jika pembahagiannya dilakukan setelah kematiannya. Walau bagaimanapun selagi pewaris masih hidup, ia berhak menguruskan sebahagian tanah yang sudah dibahagi-bahagikan. Setelah pewaris meninggal barulah harta tersebut sepenuhnya menjadi milik ahli waris.

b. Penunjukan (*Cungan*)

Berbeza dengan pertukaran hak milik, pewarisan secara penunjukan oleh pewaris kepada ahli warisnya membawa akibat hukum, iaitu berpindahnya hak pemilikan dan penguasaan harta baru berlaku sepenuhnya kepada ahli waris setelah pewaris meninggal. Adapun sebelum pewaris meninggal, ia masih berhak menguasai harta yang ditunjukkan itu, tetapi pengurusan dan pemanfaatan serta penikmatan hasilnya sudah ada pada ahli waris yang ditunjuk. Kemudian apabila dalam keadaan tertentu yang disebabkan adanya keperluan yang harus diselesaikan, maka pewaris masih boleh menarik balik bahkan jika dia mahu, boleh menjual harta tersebut kepada orang lain. Akan tetapi mestilah bermesyuarat dan bermufakat terlebih dahulu dengan ahli waris yang sudah ditunjuk. Penunjukan tersebut bukan hanya berlaku untuk barangan-barangan bergerak sahaja, tetapi juga berlaku pada barangan-barangan yang tidak bergerak seperti tanah ladang, sawah atau kebun.

c. Pesan atau Wasiat

Pesan (*Wilengan*) ini biasanya dilakukan pada saat pewaris sakit tenat yang tidak dapat diharapkan kesembuhannya, atau ketika akan melakukan perjalanan jauh seperti menunaikan Haji. Cara ini baru berlaku setelah pewaris tidak pulang atau betul-betul meninggal. Jika pewaris masih pulang atau belum meninggal, pesan ini boleh ditarik semula. Tujuan dilakukan pewarisan secara *wilengan* ini pada dasarnya adalah untuk mewajibkan kepada para ahli waris agar membahagi-bahagikan harta warisan dengan cara yang layak menurut anggapan pewaris. Selain itu juga supaya tidak terjadinya perselisihan. Pewaris mestilah menyatakan secara mengikat, sifat-sifat barang atau harta tertentu yang ditinggalkannya.³²

Beberapa contoh masyarakat yang membahagikan harta pusaka sebelum pewaris meninggal dunia:

1. Ibu Asrimah seorang peniaga jamu tradisional ketika suaminya meninggal tidak ada pembahagian pusaka. Semua harta dikuasai dan disimpan serta dipakai untuk kelangsungan hidupnya beserta anak-anaknya. Pada tahun 2007, ibu Asrimah mulai membahagikan hartanya kepada enam anak-anaknya. Harta yang dibahagikan:

Tiga petak sawah iaitu Sawah I bernilai	Rp. 80.000.000.
Sawah II bernilai	Rp. 40.000.000.
Sawah III bernilai	Rp. 25.000.000.
Sebuah ladang bernilai	Rp. 80.000.000.

³² Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 95.

Pekarangan bernilai	Rp. 15.000.000.
Jumlah	Rp. 240.000.000.

Ahli waris dan bahagiannya:

- Nur Alim separuh dari ladang
- Syafi'i separuh daripada Sawah I
- Maisaroh Sawah II
- Malikhah mendapat Sawah III dan pekarangan
- Eva Sa'adah mendapat separuh daripada ladang
- Bunayya mendapat separuh daripada Sawah I

Manakala ibu Asrimah tidak meninggalkan bahagian untuk dirinya. Beliau kini tinggal bersama anaknya yang bernama Malikhah dan tetap membuka kedai jamu tradisional. Walaupun begitu, segala keperluan hidupnya tetap ditanggung oleh semua anak-anaknya. Sedangkan harta yang dimiliki setelah pembahagian tersebut semuanya akan diberikan kepada anak yang diikuti.³³

Jika pembahagian ini diselesaikan mengikut hukum Islam, maka akan menjadi seperti di bawah ini: Semua harta untuk anak dengan pembahagian 2:1.

- Nur Alim	$\frac{2}{9} \times \text{Rp. } 240.000.000 =$	Rp. 53.334.000.
- Syafi'i	$\frac{2}{9} \times \text{Rp. } 240.000.000 =$	Rp. 53.334.000.
- Maisaroh	$\frac{1}{9} \times \text{Rp. } 240.000.000 =$	Rp. 26.334.000
- Malikhah	$\frac{1}{9} \times \text{Rp. } 240.000.000 =$	Rp. 26.334.000

³³ Malikhah, kakitangan kerajaan, salah seorang anak ibu Asrimah, penduduk desa Pucakwangi, temubual pada Ahad 14 November 2010.

- Eva Sa'adah $1/9 \times \text{Rp. } 240.000.000 = \text{Rp. } 26.334.000$
- Bunayya $2/9 \times \text{Rp. } 240.000.000 = \text{Rp. } 53.334.000.$

Dengan perhitungan di atas maka:

- Nur Alim mendapatkan $2/3$ daripada ladang
- Syafi'i mendapatkan $1/3$ daripada ladang dan tanah III.
- Maisaroh mendapatkan $1/3$ daripada sawah I.
- Malikhah mendapatkan $1/3$ daripada sawah I.
- Eva Sa'adah mendapatkan $1/3$ daripada sawah I.
- Bunayya mendapatkan sawah II dan pekarangan.

2. Supini mempunyai seorang sahaja anak perempuan bernama Rumani yang menikah dengan Abdulmanan. Dari perkahwinan itu, mereka mendapat seorang anak perempuan dan enam orang anak lelaki. Setelah melahirkan anak yang terakhir Rumani meninggal dunia. Kesemua anak-anaknya dijaga dan dibesarkan oleh Supini. Supini telah mewariskan tanah miliknya kepada cucu-cucunya, agar dibahagikan sama rata. Sehingga setiap orang mendapatkan:

- Siti Abidah mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.
- Khoirul Huda mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.
- Hamim Tohari mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.
- Yasak mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.
- Zakariya mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.
- Mudhofar mendapat $1/7$ bahagian daripada tanah.³⁴

³⁴ Siti Abidah, kakitangan kerajaan, cucu daripada Supini, temubual pada Ahad 14 November 2010.

Jika diselesaikan mengikut hukum Islam, maka cucu daripada anak perempuan bukan merupakan ahli waris akan tetapi *dhawil arham* yang tidak ada bahagian daripada harta pusaka. Akan tetapi jika diselesaikan mengikut pandangan Hazairin, maka anak-anak daripada anak perempuan merupakan ahli waris pengganti yang akan menggantikan kedudukan orang tuanya dan menerima harta pusaka sebanyak yang diterima oleh orang tuanya dan dibahagikan di antara mereka dengan perbandingan 2:1.

Dengan demikian pembahagian itu adalah sepertimana berikut:

- Siti Abidah mendapat $\frac{1}{13}$ bahagian daripada tanah.
- Khoirul Huda mendapat $\frac{2}{13}$ bahagian daripada tanah.
- Hamim Tohari mendapat $\frac{2}{13}$ bahagian daripada tanah.
- Yasak mendapat $\frac{2}{13}$ bahagian daripada tanah.
- Zakariya mendapat $\frac{2}{13}$ bahagian daripada tanah.
- Mudhofar mendapat $\frac{2}{13}$ bahagian daripada tanah.

3. Abdul seorang petani yang mempunyai enam orang anak. Dua anaknya telah meninggal dunia. Ketika anak lelaki pertamanya menikah, Pak Abdul membuatnya rumah bernilai Rp. 65.000.000. Sedangkan rumah yang didudukinya sekarang bernilai Rp. 50.000.000, telah diberikan kepada anak perempuannya yang bernama Idawati.

Selain itu Pak Abdul masih mempunyai beberapa sawah:

Sawah I bernilai	Rp. 35.000.000
Sawah II bernilai	Rp. 35.000.000
Sawah III bernilai	Rp. 40.000.000
Sawah IV bernilai	Rp. 30.000.000
3 ekor lembu	Rp. 24.000.000. @ seharga Rp 8.000.000
Jumlah	Rp. 164.000.000.

Semua harta itu sudah dibahagikan kepada anak-anaknya.

- Bambang; kerana sudah pernah diberi rumah, maka dia mendapat seekor lembu.
- Idawati; juga kerana sudah mendapat rumah, maka dia mendapat 2 ekor lembu.
- Budianto; mendapat sawah I dan sawah II.
- Yatno; mendapat sawah III dan sawah IV.³⁵

Jika harta tersebut dibahagikan mengikut faraid:

Harta pusaka:

Rumah yang diberikan kepada anak pertama	Rp. 65.000.000
Rumah yang diberikan kepada Idawati	Rp. 50.000.000
Sawah dan lembu	Rp. 164.000.000
Jumlah	Rp. 279.000.000.

Kerana ahli warisnya hanya ada anak-anak sahaja maka seluruh harta dibahagikan kepada anak dengan pembahagian 2:1

Bambang : $\frac{2}{7} \times \text{Rp. } 279.000.000 = \text{Rp. } 79.714.000.$

Idawati : $\frac{1}{7} \times \text{Rp. } 279.000.000 = \text{Rp. } 39.858.000.$

Bambang : $\frac{2}{7} \times \text{Rp. } 279.000.000 = \text{Rp. } 79.714.000.$

Yatno : $\frac{2}{7} \times \text{Rp. } 279.000.000 = \text{Rp. } 79.714.000.$

³⁵ Abduh, petani, penduduk desa Tritunggal, temubual pada Sabtu 27 November 2010.

Melihat perhitungan mengikut faraid bahagian yang telah diberikan kepada Idawati melebihi dari bahagian yang seharusnya dia dapatkan sehingga mengurangi bahagian anak lelaki.

4. Pak Dasuki yang mempunyai dua anak lelaki dan seorang anak perempuan juga telah membahagikan harta bendanya kepada anak-anaknya dengan alasan agar nanti ketika dia sudah meninggal tidak terjadi perebutan harta di antara anak-anaknya. Sedangkan harta yang diperoleh setelah semua harta dibahagikan adalah untuk urusan setelah kematiannya dan selebihnya diberikan kepada anak yang diikuti.

Harta yang di bahagikan:

Rumah dan pekarangan	Rp. 90.000.000.
Pekarangan bernilai	Rp. 25.000.000.
Sawah I	Rp. 50.500.000.
Sawah II	Rp. 30.000.000
Motosikal	Rp. 8000.000
Jumlah	Rp. 178.500.000.

Maryati mendapatkan rumah.

Sudirman mendapatkan sawah I dan motosikal.

Suwarno mendapatkan sawah II dan pekarangan.³⁶

Jika pembahagian ini diselesaikan mengikut faraid, kerana ahli waris hanya anak-anak sahaja, maka seluruh harta untuk anak-anak dibahagi 2:1.

³⁶ Dasuki, peniaga, penduduk desa Gembong, temubual pada Selasa 30 November 2010.

Maryati : $1/5 \times \text{Rp } 178.500.000 = \text{Rp } 35.700.000.$

Sudirman : $2/5 \times \text{Rp } 178.500.000 = \text{Rp } 71.400.000.$

Suwarno : $2/5 \times \text{Rp } 178.500.000 = \text{Rp } 71.400.000.$

Melihat daripada pembahagian di atas, maka sepatutnya:

Maryati mendapat tanah 2 dan motosikal.

Sudirman mendapat rumah dan $1/4$ pekarangan.

Suwarno mendapat sawah I dan $3/4$ pekarangan.

2. Setelah Pewaris Meninggal Dunia

Masyarakat Kecamatan Babat Sebagaimana masyarakat adat Jawa secara am mengikut sistem kekerabatan *parental* atau *bilateral* dan menganut asas pewarisan secara individual, maka harta pusaka tidak dikuasai oleh keluarga tertentu. Akan tetapi harta dibahagikan kepada ahli waris yang ada.

Dalam masyarakat *parental* balu juga dapat menguasai harta suami yang telah meninggal selama hidupnya, atau mengalihkannya kepada anak-anaknya setelah mereka meningkat dewasa dan berdikari. Bahkan adakalanya balu dalam menguasai harta pusaka berperanan sebagai pembahagi harta pusaka tu kepada ahli waris tanpa campur tangan saudara lelaki almarhum suami.³⁷

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati ada pembahagian harta yang hanya diberikan kepada salah satu anak pewaris walaupun pewaris memiliki anak lebih dari satu. Hal itu disebabkan adanya kesepakatan di antara anak-anak pewaris bahawa

³⁷ Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 100.

sesiapa yang diikuti orang tuanya, menjaga dan menanggung segala perbelanjaannya, maka anak tersebut berhak terhadap seluruh harta yang ditinggalkan oleh orang tuanya. Walaupun cara pembahagian ini jarang sekali dipakai.³⁸

Jika harta pusaka itu dibahagi, pada umumnya tidak ada penentuan waktu-waktu khas dan tidak perlu melantik juru bahagi dalam pembahagian harta tersebut. Akan tetapi mengikut kebiasaan yang berlaku masa pembahagian harta setelah pewaris meninggal setelah diadakannya majlis doa selamat tujuh hari, waktu empat puluh hari, seratus hari, atau seribu hari. Kerana masa-masa itu adalah masa anggota keluarga dan para ahli waris berkumpul. Di kebanyakan tempat berlaku pembahagian harta pusaka iaitu pada masa seribu hari atau dengan kata lain hari ulang tahun pewaris meninggal, kerana diharapkan pada masa itu semua saudara dan ahli waris berkumpul di tempat si pewaris.³⁹

Apabila harta pusaka akan dibahagikan, maka yang menjadi juru bahagi antaranya adalah:

- Orang tua yang masih hidup (balu dari pada pewaris)
- Anak tertua lelaki atau perempuan
- Ahli keluarga tertua yang dianggap jujur dan bijaksana
- Saudara mara, tokoh masyarakat atau tokoh agama yang diminta dan ditunjuk menjadi juru bahagi.⁴⁰

³⁸ Haji Khoirul Huda, tokoh masyarakat, penduduk Desa Moropelang, temubual pada Khamis 26 Ogos 2010.

³⁹ Hilman Hadi Kusuma (2003), *op.cit.*, h. 104.

⁴⁰ *Ibid.*, h.105.

Beberapa contoh pembahagian harta pusaka yang dilakukan setelah pewaris meninggal dunia :

1. Ilyasak suami daripada Endang meninggal dunia meninggalkan seorang isteri (Endang), dua anak lelaki dan seorang anak perempuan, serta seorang ayah.

Harta yang ditinggalkan adalah:

- Sebuah rumah bernilai	Rp. 100.000.000
- Wang simpanan	Rp. 35.000.000
- Wang pencen	Rp. 15.000.000
Jumlah	Rp. 150.000.000.

Sepertimana sedia maklum bahawa seluruh harta tidak dibahagikan kepada ahli waris akan tetapi harta digunakan untuk biaya hidup isteri pewaris bersama anak-anaknya, serta biaya persekolahan mereka. Sedangkan orang tua pewaris iaitu ayah tidak mendapat bahagian apa-apa.⁴¹ Jika harta pusaka tersebut dibahagikan mengikut hukum Islam sebagai berikut:

Isteri $1/8 \times 3 = 3/24 \times \text{Rp. } 150.000.000 = \text{Rp}18.750.000.$

Ayah $1/6 \times 4 = 4/24 \times \text{Rp. } 150.000.000 = \text{Rp } 25.000.000.$

Anak-anak baki iaitu $17/24 \times \text{Rp } 150.000.000 = \text{Rp}106.250.000 : 5 = \text{Rp } 21.250.000.$

Ahadin Firdani Rp 42.500.000.

Azizi : Rp 42.500.000.

Olivia : Rp 21.250.000.

⁴¹ Endang, kakitangan Hospital Muhammadiyah Babat, isteri daripada Ilyasak. Temubual pada Khamis 25 November 2010.

2. Zakariya meninggal dunia meninggalkan seorang isteri (Dewi Ningrum), ayah, seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Harta yang ditinggalkan adalah:

Rumah	Rp 90.000.000
Wang	Rp 45.000.000.
Tanah	Rp 23.000.000.
Jumlah	Rp158.000.000.

Harta ini juga tidak dibahagikan kepada ahli waris. Ayah juga tidak mendapatkan bahagian apa-apa. Harta tersebut di gunakan untuk keperluan isteri dan anak-anak waris.⁴² Harta pusaka ini jika dibahagikan mengikut hukum Islam maka menjadi:

Ayah : $1/6 \times 3 = 3/24 \times \text{Rp } 158\,000.000 = \text{Rp}19.750.000.$

Isteri : $1/8 \times 4 = 4/24 \times \text{Rp } 158\,000.000 = \text{Rp}26.333.000.$

Anak mendapat baki dan dibahagikan di antara mereka untuk lelaki 2:1 untuk perempuan. $17/24 \times \text{Rp } 158.000.00 = \text{Rp}111.917.000 :3 = \text{Rp } 37.305.666$

Anak lelaki Rp 74.611.332.

Anak perempuan Rp 37.305.666.

3. Hassan meninggal dunia mempunyai dua orang isteri. Isteri pertama telah meninggal dan mempunyai tiga orang anak perempuan serta seorang anak lelaki.

Harta yang ditinggalkan:

Sebuah kedai pengisar padi	Rp 130.000.000.
Ternakan ikan	Rp 60.000.000.
Rumah	Rp 100.000.000

⁴² Dewi Ningrum, doktor, isteri daripada Zakariya, temubual pada Sabtu 27 November 2010.

Tanah Rp 55.000.000.

Jumlah Rp 345.000.000.

Isteri mendapatkan rumah.

Qomariah mendapat separuh saham kedai tempat penggilingan padi.

Mariyam mendapat separuh saham kedai tempat penggilingan padi.

Nur Laili mendapat tanah.

Rosdi mendapat tambak ikan.⁴³

Jika diselesaikan mengikut hukum Islam menjadi:

Isteri $1/8 \times 345.000.000 = \text{Rp } 43.125.000$.

Anak-anak baki dari harta pusaka $7/8 \times 345.000.000 = \text{Rp } 301.875.000 : 5 = \text{Rp } 60.375.000$.

Anak lelaki mendapat Rp 120.750.000.

Anak perempuan setiap seorang mendapat Rp 60.375.000.

4. Hartatik mempunyai dua anak perempuan iaitu Astuti dan Marhamah serta seorang anak lelaki (Hendra). Hartatik mempunyai beberapa sawah dan tanah kosong. Semasa hidupnya dia tinggal bersama anak perempuannya yang bernama Astuti. Semua perbelanjaannya ditanggung oleh Astuti, sehingga setelah meninggal seluruh hartanya iaitu sawah dan ladang menjadi milik Astuti. Sedangkan Marhamah dan Hendra tidak mendapatkan harta apa-apa yang ditinggalkan oleh Hartatik.⁴⁴

5. Pak Ambar memiliki dua orang anak lelaki bernama Darmo dan Khoirul Huda, akan tetapi pak Ambar mempunyai tanah pekarangan bernilai Rp 35.000.000.

⁴³ Qomariyah, isteri kedua Hasan, penduduk Sambangan, temubual pada Isnin 23 Ogos 2010.

⁴⁴ Astuti, anak Hartati, penduduk desa Sambangan, temubual pada Isnin 15 November 2010.

Dia duduk dengan anaknya yang bernama Khoirul Huda. Selepas pak Ambar meninggal, hartanya tidak dibahagi di antara kedua anaknya Khoirul Huda dan Darmo, akan tetapi semua menjadi milik Khoirul Huda yang telah diikuti dan menyara Pak Ambar.⁴⁵

4.6 Analisis pembahagian harta pusaka masyarakat muslim Kecamatan Babat

Dari huraian di atas dapat dilihat bahawa masyarakat muslim Kecamatan Babat dalam membahagi harta pusaka mengikut sistem kekerabatan *bilateral parental* kerana sama ada anak lelaki dan anak perempuan, sama-sama berhak menjadi ahli waris untuk mendapat harta pusaka. Dan sistem individual kerana harta pusaka terus dibahagikan kepada ahli waris, dan ahli waris akan menerima bahagiannya masing-masing.

Masyarakat muslim Kecamatan Babat dalam membagikan harta pusaka, sebahagian mereka ada mengikut hukum pusaka Islam. Akan tetapi meskipun mereka membahagi mengikut hukum pusaka Islam, tetapi dari hasil kajian pengkaji tidak menemui cara murni pembahagian mengikut *faraid*, kebanyakan masyarakat Muslim Babat walaupun melakukan pembahagian harta pusaka secara Islam akan tetapi selepas dibahagikan secara Islam, kemudian bahagian anak dibahagikan sama rata antara anak lelaki dan anak perempuan. Untuk ahli waris lain selain anak tetap mengambil bahagian mereka sesuai dengan bahagian masing-masing mengikut *faraid*. Untuk kes keluarga A Wasil Maksum yang berbentuk saham, meskipun untuk bahagian anak iaitu ashobah tidak dibahagikan secara sama rata antara anak lelaki dan anak perempuan, akan tetapi anak perempuan mendapat bahagian lebih banyak dari yang seharusnya mereka terima

⁴⁵ Temubual dengan haji Khoirul Huda, pada 27 Ogos 2010

dengan mengurangi bahagian anak lelaki atas dasar melaksanakan wasiat waris sebelum meninggal. Hal itu dilakukan bagi mengamalkan ajaran Islam dan pada masa sama bagi mengeratkan tali persaudaraan melalui pembahagian harta secara rata tentunya dengan keredaan semua pihak terutama penerima bahagian-bahagian terbanyak dari harta pusaka tersebut.

Penyelesaian harta pusaka melalui kaedah peradilan agama juga jarang berlaku. Hasil kajian pengkaji hanya ada 12 kes yang diselesaikan oleh peradilan agama dari tahun 2007-2010. Beberapa sebab jarangnyanya masyarakat Muslim Babat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka di peradilan agama kerana mereka lebih memilih penyelesaian secara kekeluargaan dan kerana enggan menguruskan segala hal yang diperlukan dalam tuntutan seperti mengemukakan saksi, peguam, penyediaan wang dan keperluan-keperluan lainnya.⁴⁶ Keputusan yang diberikan oleh peradilan agama diambil berdasarkan Kompilasi Hukum Islam.

Sedangkan konsep yang dibawakan oleh Hazairin dalam masalah harta pusaka hanya sebahagian kecil sahaja dijadikan panduan oleh masyarakat Muslim Babat, kerana pemikiran Hazairin tentang harta pusaka hanya merupakan pandangan peribadi dan beliau tidak mampu untuk merumuskan pemikirannya dalam bentuk sistem perundangan. Sepertimana sedia maklum, beliau juga merupakan tokoh kontroversi yang menjadikan sebahagian masyarakat Muslim masih sukar untuk menerima pemikirannya, maka jika ada dalam kalangan masyarakat Muslim Babat yang membahagikan harta

⁴⁶ Temubual dengan Encik Imam Arifin, sebagai wakil panitera, PA Lamongan, pada Khamis 12 Mei 2011

pusakanya sama dengan pandangan yang dibawa oleh Hazairin, kerana mereka meminta penyelesaian dari orang yang faham akan pendapat Hazairin.

Sebahagian masyarakat juga membahagikan harta pusaka mengikut adat, sama ada pembahagiannya sebelum atau selepas waris meninggal dunia. Di antara alasan masyarakat membahagikan harta pusaka mengikut adat kerana:

1. Mereka tidak pernah belajar dan tidak faham dengan ilmu faraid.
2. Terlalu rumit jika harus membahagi harta pusaka mengikut hukum Islam.
3. Pembahagian harta pusaka mengikut adat lebih adil, kerana harta akan dibahagikan sama rata di antara ahli waris. Dan yang boleh menjadi ahli waris hanya suami atau isteri serta anak-anak waris.
4. Adanya ahli waris yang tidak setuju jika harta pusaka dibahagikan mengikut hukum Islam.

Selain dibahagikan secara adat iaitu sama rata, pengkaji juga mendapati ada di antara mereka yang menjadikan harta pusaka hanya untuk anak yang diikuti oleh orang tua semasa hidupnya, kerana anak tersebut telah menanggung semua keperluan orang tuanya tanpa campur tangan saudara yang lain. Dan hal ini telah disepakati bersama saudara-saudaranya.

4.7 Analisis antara Hukum Pusaka Islam, Hazairin dan Hukum Pusaka Adat.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan melakukan analisis dengan cara membuat kajian perbandingan di antara hukum pusaka Islam dan hukum pusaka mengikut pemikiran Hazairin, kemudian perbandingan di antara hukum pusaka Islam dengan hukum pusaka secara adat.

4.7.1 Analisis perbandingan antara hukum pusaka Islam dan ajaran Hazairin

Hukum pusaka Islam lebih mengarah kepada sistem *patrilinial*, sedangkan ajaran Hazairin merupakan sistem *bilateral*. Hal ini merupakan ijtihad Hazairin dalam menafsirkan beberapa ayat Al-Qur'an tentang pusaka.⁴⁷ Di antara hukum pusaka Islam dan ajaran Hazairin ada beberapa perbezaan:

Pertama, dalam hal cucu. Mengikut hukum pusaka Islam (Mazhab Shāfi'ī, Mālikī, Ḥanbalī dan Hanafī) cucu lelaki dan perempuan dari anak lelaki boleh mewaris jika tidak ada anak lelaki di antara ahli waris. Akan tetapi cucu lelaki dan perempuan daripada anak perempuan *zawil arham* (kerabat jauh), dan *zawil arham* itu baru akan mendapat pusaka jika sudah tidak ada lagi orang yang mendapat pusaka sama ada *ashabul furud* maupun sebagai *ashabah*.⁴⁸

Berbeza dengan pandangan Hazairin bahawa cucu sama ada lelaki ataupun perempuan, baik melalui anak lelaki ataupun anak perempuan boleh mewarisi harta pusaka sebagai ahli waris pengganti seperti penafsirannya tentang *mawali* dalam surah An-Nisa': 33.⁴⁹

Kedua, masalah kedua terlihat dalam perbezaan pandangan dalam masalah *kalaalah* dalam surah An-Nisa':12. Mengikut penafsiran *ahlus sunnah* bahawa jika masih ada bapa dalam hal *kalaalah* (orang yang meninggal dunia tanpa keturunan), maka saudara sama ada lelaki mahupun perempuan tidak boleh menjadi ahli waris yang

⁴⁷ Hazairin (1982), *op. cit.*, h. 1.

⁴⁸ Mahmud Junus (1968), *Turutlah Hukum Warisan Dalam Islam*, Jakarta, Alhidayah, h. 14.

⁴⁹ Hazairin, *op. cit.*, h. 29.

mewarisi harta peninggalan waris. Sedangkan mengikut pandangan Hazairin (asas *bilateral*) saudara sama ada lelaki ataupun perempuan dalam hal *kalaalah*, maka saudara-saudara itu boleh mewaris bersama-sama dengan bapa. Hanya saudara-saudara itu mendapat bahagian lebih kecil dari bapa iaitu saudara sebagai *zawil faraid* memperoleh 1/6 jika seorang, 1/3 jika dua orang atau lebih, dan memperoleh bahagian sama banyak (berkongsi) dengan tidak membezakan sama ada saudara itu lelaki ataupun perempuan, saudara kandung, saudara sebapa ataupun saudara seibu.⁵⁰

Ketiga, perbezaan pandangan dalam masalah datuk atau bapa kepada bapa. Jika tidak ada bapa, maka datuk itu menggantikan kedudukan bapa. Saudara tidak dapat mewaris bersama-sama bapa, akan tetapi dalam hal *kalaalah* saudara boleh mewaris bersama-sama dengan datuk.⁵¹

Sedangkan mengikut Hazairin datuk tidak boleh mewaris bersama-sama dengan saudara, kerana datuk termasuk dalam keutamaan keempat. Golongan keutamaan keempat baru boleh menjadi ahli waris jika tidak ada lagi anak-anak beserta keturunannya, saudara-saudara beserta keturunannya dan bapa serta ibu telah meninggal dahulu sebelum datuk.⁵²

Keempat, tentang pembahagian pusaka untuk nenek dari ibu (ibu kepada ibu). Mengikut hukum Islam nenek menggantikan ibu dalam bahagian 1/6. Sedangkan mengikut Hazairin nenek sama ada dari bapa (ibu kepada bapa) atau dari ibu (ibu kepada

⁵⁰ Idris Ramulyo (2004), *op. cit.*, h. 187.

⁵¹ Fatur Rahman, *op. cit.*, h. 274.

⁵² Hazairin, *op. cit.*, h. 37.

ibu) dalam bahagian 1/3. Kerana tidak mungkin nenek mewaris bila masih ada anak beserta keturunannya atau saudara beserta keturunannya.⁵³

Kelima, perbezaan pandangan dalam masalah *radd*. *Radd* menurut hukum Islam tidak boleh diberikan kepada balu yang hidup terlama. Sedangkan mengikut Hazairin oleh kerana balu (duda atau janda) itu dalam *aul* diikut sertakan dalam pengurangan, maka secara logik diberikan *radd* bila ada kelebihan harta sisa bahagi.⁵⁴

4.7.2 Analisis perbandingan antara hukum pusaka Islam dan hukum pusaka Adat

Dalam hukum pusaka adat yang berlaku dalam lingkungan majoriti penduduknya beragama Islam, maka ajaran Islam sedikit sebanyak ada pengaruhnya dalam pelaksanaan hukum pusaka adat tersebut. Dan di antara persamaan di antara dua hukum pusaka itu:

Pertama, sebab-sebab kehilangan hak untuk menjadi ahli waris. Ada kemungkinan terjadi seorang ahli waris kehilangan hak untuk mewarisi harta peninggalan. Sama ada hukum pusaka Islam ataupun hukum pusaka adat atas sebab-sebab itu:

- a. Ahli waris membunuh pewaris.
- b. Murtad atau berpindah agama.

Dalam hukum pusaka adat ada dua sebab yang lain:

- c. Melakukan penganiayaan atau melakukan perbuatan yang merugikan kehidupan pewaris.

⁵³ *Ibid.*, h. 38.

⁵⁴ Sajuti Thalib (1993), *op. cit.*, h. 91.

- d. Melakukan perbuatan tidak baik, atau menjatuhkan nama baik pewaris kerana perbuatan yang tercela.⁵⁵

Kedua, harta yang dapat diwariskan. Berkaitan dengan hal ini Hukum Adat sama dengan Hukum Islam iaitu bahawa harta benda yang dapat menjadi harta pusaka adalah harta benda dalam keadaan bersih setelah dikurangi untuk pembayaran hutang-hutang, serta segala sesuatu kewajiban yang belum sempat dilaksanakan oleh pewaris semasa hidupnya.⁵⁶

Ketiga, ahli waris pengganti. Sebagaimana dalam Hukum Pusaka Islam tidak ada penggantian tempat, begitu juga dalam Hukum Pusaka Adat. Seorang anak (cucu pewaris) tidak menggantikan tempat orang tua (ibu atau bapa mereka) sebagai ahli waris pengganti. Tetapi dalam Hukum Pusaka Adat seorang cucu menerima bahagian berdasarkan rasa kasih sayang daripada ahli waris yang ada.⁵⁷

Di samping adanya persamaan antara Hukum Pusaka Islam dan Hukum Pusaka Adat, ada juga beberapa perbezaan antaranya:

- a. Proses pewarisan. Dalam hukum Pusaka Islam proses pewarisan hanya akan dilakukan setelah pewaris meninggal dunia. Berbeza dengan Hukum Pusaka Adat, proses pewarisan boleh dilakukan ketika pewaris masih hidup dengan cara penerusan

⁵⁵ Hilman Hadikusuma (2003), *op. cit.*, h. 108.

⁵⁶ Eman Suparman (2005), *op. cit.* h. 76.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 65.

atau pengalihan, penunjukan dan wasiat, atau dilakukan setelah pewaris meninggal dunia.⁵⁸

b. Anak angkat. Dalam Hukum Pusaka Islam sebab dapat mewaris adalah ikatan nasab yang terjadi kerana adanya kelahiran antara pewaris dan waris. Ini adalah sebab yang paling kuat dalam pewarisan. Sedangkan dalam Hukum Pusaka Adat tidak hanya hubungan nasab yang membolehkan mewaris tetapi tidak ada hubungan nasab juga boleh mewaris iaitu anak angkat. Dalam Hukum Islam anak angkat bukan termasuk ahli waris, berbeza dengan Hukum Adat di mana anak angkat boleh mewaris. Hanya saja jika anak kandung masih ada, maka anak angkat mendapatkan harta pusaka tidak sebanyak bahagian anak kandung. Dan jika orang tua angkat takut anak angkat tidak mendapat bahagian yang sepatutnya atau tersisih oleh anak kandung kerana membahagi mengikut Hukum Islam, maka sudah menjadi kebiasaan orang tua angkat memberi harta pusaka kepada anak angkat sebelum ia meninggal dengan cara penunjukan atau wasiat.⁵⁹

c. Kedudukan janda dan duda. Kedudukan janda dalam Hukum Islam berbeza dengan kedudukan duda, sebab janda sebagai ahli waris mendiang suaminya hanya memperoleh 1/8 dari harta pusaka jika ada anak-anak. Sedangkan jika tidak ada anak, dia mendapat ¼ bahagian dari harta pusaka. Adapun bahagian duda ½ jika tidak ada anak dan mendapat ¼ bahagian harta pusaka jika ada anak. Berbeza dengan Hukum Adat, kedudukan janda atau duda dalam posisi yang sama sebagai ahli waris dari yang meninggal terlebih dahulu.⁶⁰

d. Bahagian anak lelaki dan anak perempuan. Dalam Hukum Islam bahagian anak lelaki dua kali ganda lebih banyak daripada anak perempuan berbanding 2 : 1, sebagaimana

⁵⁸ Hilman Hadikusuma (2003), *op. cit.*, h. 95.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 80.

⁶⁰ Eman Suparman (2005), *op. cit.* h. 77.

disebutkan dalam surah al-Nisa. Sedangkan dalam Hukum Pusaka Adat anak lelaki dan anak perempuan sebagai ahli waris mereka tidak dibezakan. Jadi bahagian anak lelaki dan anak perempuan sama besar iaitu 1 : 1.⁶¹

Dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Muslim Babat membahagikan harta pusakanya mengikut sistem *bilateral* atau *parental* dan sistem individual. Sebahagian mereka membahagikan secara Islam dan sebahagian lain secara adat. Dari hasil kajian pengkaji tidak ditemui cara murni pembahagian mengikut *faraid*, kebanyakan masyarakat Muslim Babat melakukan pembahagian harta pusaka secara Islam akan tetapi selepas dibahagikan secara Islam, kemudian harta tersebut dibahagikan secara rata di antara ahli waris. Hal itu dilakukan bagi mengamalkan ajaran Islam dan pada masa sama bagi mengeratkan tali persaudaraan melalui pembahagian harta secara rata tentunya dengan keredhaan semua pihak.

Secara adat, masyarakat ada yang membahagikan harta pusaka sebelum waris meninggal dunia dan ada yang membahagikan selepas waris meninggal dunia. Pembahagian harta pusaka mengikut adat paling banyak digunakan oleh masyarakat Muslim Kecamatan Babat. Hal ini disahkan oleh Encik Nur Alim, menurut beliau masyarakat banyak yang membahagikan harta pusaka mereka mengikut adat kerana ketidakfahaman masyarakat tentang ilmu *faraid* dan tidak adanya usaha kerajaan atau mana-mana pihak untuk menyelaraskan pembahagian harta pusaka mengikut hukum Islam. Selain daripada itu, mengikut kebiasaan jika ada masyarakat yang ingin membahagikan harta pusaka, mereka akan datang kepada ketua kampung untuk menjadi

⁶¹ *Ibid.*, h. 77.

saksi atau bahkan meminta menyelesaikan pembahagian harta pusaka, sedangkan tidak semua ketua kampung mengerti dan faham tentang *faraid*, sehingga pembahagian harta pusaka dibahagikan secara sama rata di antara ahli waris.⁶²

Adapun penyelesaian pusaka menurut KUHP tidak ditemui dalam kajian pengkaji. Beberapa sebab ketiadaan masyarakat Muslim Babat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaknya mengikut KUHP, kerana tiada ditemui anak luar nikah, walaupun ada mungkin tidak didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara sebagai anak luar nikah sehingga sukar bagi mereka untuk menyelesaikan permasalahannya mengikut KUHP yang tentunya memerlukan dokumen lengkap. Sebab lain, kerana undang-undang waris dalam KUHP tidak lengkap dan tidak dibahas secara spesifik.

Sedangkan konsep yang dibawakan oleh Hazairin dalam masalah harta pusaka hanya sebahagian kecil sahaja dijadikan panduan oleh masyarakat Muslim Babat, kerana pemikiran Hazairin tentang harta pusaka hanya merupakan pandangan peribadi dan beliau tidak mampu untuk merumuskan pemikirannya dalam bentuk sistem perundangan. Sepertimana sedia maklum, beliau juga merupakan tokoh kontroversi yang menjadikan sebahagian masyarakat Muslim masih sukar untuk menerima pemikirannya,

Penyelesaian harta pusaka melalui rujukan peradilan agama juga jarang berlaku. Hasil kajian pengkaji hanya ada 12 kes yang diselesaikan oleh peradilan agama dari tahun 2007-2010. Beberapa sebab jarangnyanya masyarakat Muslim Babat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka di peradilan agama kerana mereka lebih memilih penyelesaian secara kekeluargaan dan kerana enggan menguruskan segala hal

⁶² Nur Alim, mantan Ketua Desa Pucak Wangi, temubual melalui telefon pada Selasa 12 Mac 2013.

yang diperlukan dalam tuntutan seperti mendatangkan saksi, peguam, penyediaan wang dan keperluan-keperluan lainnya.